

1983

KUALA LUMPUR, 13. SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGULANGI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK BERNIAT MEMILIKNEGARAKAN MANA-MANA INDUSTRI DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN, BAGAIMANAPUN, MALAYSIA BERHAD MEMBELI SAHAM-SAHAM YANG DIJUAL DALAM PASARAN TERBUKA TERUTAMA BAGI PERUSAHAAN YANG BERASASKAN NEGARA INI SEHINGGA KE PERINGKAT MEMILIKI PERUSAHAAN ITU.

+INI ADALAH SATU HAK YANG CUKUP ADIL. TIDAK ADIL JIKA SAHAM DALAM SESUATU PERUSAHAAN TERHAD KEPADA ORANG LAIN DAN MALAYSIA TIDAK BERHAK MEMBELINYA. SUNGGUHPUN PERUSAHAAN ITU BERASASKAN NEGARA INI+, TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN PENUBUHAN PERSATUAN PENANAM GETAH MALAYSIA BERHAD YANG DIDAFTARKAN PADA 7 JUN LALU UNTUK MENGAMBIL ALIH TUGAS-TUGAS RGA LIMITED YANG DITUBUHKAN DI LONDON SEJAK TAHUN 1907.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA SEMUA PIHAK PATUT MENGALU-ALUKAN USAHA MALAYSIA MEMBELI SAHAM DALAM PASARAN BIASA TETAPI MALANGNYA ADA YANG TIDAK SENANG HATI DENGAN PROSES INI.

+KITA DIKUTUK DI MASA LALU, SUNGGUHPUN KITA MEMBELI SAHAM DI PASARAN TERBUKA, OLEH MEREKA YANG TIDAK PUAS HATI TERHADAP USAHA KITA DAN MENUDUH MALAYSIA BERNIAT MEMILIKNEGARAKAN PERUSAHAAN ATAU PERNIAGAAN DI NEGARA INI+, TAMBAHNYA.

--LAGI 1602/AN

PM-MILIKNEGARA 2 KUALA LUMPUR

KENYATAAN ITU JELAS DITUJUKAN KEPADA KALANGAN PENIAGA BRITISH YANG MEMBANTAH PENGAMBILALIHAN SAHAM GUTHRIE OLEH PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) TAHUN LALU DALAM PASARAN SAHAM LONDON.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIFATKAN PENUBUHAN RGA BUKAN SEBAGAI PROSES PEMILIKNEGARAAN TETAPI MERUPAKAN PROSES BIASA DAN LOGIKAL MEMANDANGKAN PERUBAHAN ITU SUDAH DIMILIKI KEBANYAKANNYA OLEH MALAYSIA DAN SYARIKAT TEMPATAN.

+PENUBUHAN PERSATUAN INI MENANDAKAN SATU PERUBAHAN DALAM INDUSTRI PERUSAHAAN GETAH DAN KELAPA SAWIT YANG KINI DIUSUSKAN OLEH ORANG-ORANG MALAYSIA DAN BUKAN MERUPAKAN SATU REBUTAN KE ATAS PERUSAHAAN YANG BERASASKAN BERANGAN MALAYSIA+, JELASNYA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERHARAP SUNGGUHPUN IBUPEJABAT RGA TELAH DIPINDAHKAN KE NEGARA INI, PERHUBUNGAN RAPAT PERLU DIADAKAN UNTUK MENENTUKAN PERHUBUNGAN ASAL RGA TIDAK PUTUS.

PERDANA MENTERI BERHARAP PERSATUAN DAPAT KENYAKINAN PIHAK PENGURUSAN LADANG DI MALAYSIA DAN JUGA DI NEGARA LAIN YANG MEMPUNYAI LADANG YANG SAMA.

--LAGI 1617/AN

PM-MILIKNEGARA 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, MALAYSIA BOLEH BERBANGGA DENGAN KEJAYAANNYA DALAM PERUSAHAAN GETAH TERUTAMA DARI SEGI PENGURUSAN.

SEBELUM ITU PENERUSI RGA, DATUK HAJI BASIR ISMAIL BERKATA PENUBUHAN PERSATUAN BUKAN SAHAJA MENGIKUT PANDUAN DASAR EKONOMI BARU TETAPI JUGA MENCERMINKAN PERUBAHAN CORAK DI MANA 80 PERATUS DARIPADA AHLINYA ADALAH DARI SYARIKAT-SYARIKAT LADANG YANG DIDAFTARKAN DI NEGARA INI DAN DIMILIKI OLEH WARGANEGARA. DULU AHLI-AHLI TERDIRI 100 PERATUS DARIPADA SYARIKAT LADANG YANG DIDAFTARKAN DILUAR NEGERI.

LUAS KAWASAN SYARIKAT LADANG DINEGARA INI YANG MENJADI AHLI IALAH SEBANYAK 1.67 JUTA EKAR.

KATANYA, SUNGGUHPUN PADA ASALNYA RGA DIANGGOTAI OLEH AHLI-AHLI SYARIKAT LADANG GETAH SAHAJA, TETAPI DENGAN PERUBAHAN CORAK PERTANIAN MALAYSIA, KEAHLIAN RGA PADA WAKTU INI DIANGGOTAI OLEH SYARIKAT-SYARIKAT LADANG KELAPASAWIT, KOKO DAN KELAPA.

RGA JUGA MEMPUNYAI AHLI-AHLI DARI INDONESIA, PAPUA NEW GUINEA, PULAU SOLOMON DAN AFRIKA BARAT.

DATUK BASIR BERKATA AHLI-AHLI SEDANG MEMBUAT KAJIAN UNTUK MENAMBAHKAN KELUARAN EKSPORT SEBAGAI BARANG SIAP (FINISHED PRODUCT) DAN TIDAK SEBAGAI BARANGAN UTAMA.

--BERNAMA 1631/PA